



## Kerjasama komuniti hapus dadah

**K**ita percaya semua orang tahu dan sedar najis dadah memberikan pelbagai kesan negatif yang boleh merosakkan masa depan diri, keluarga dan negara.

Berdasarkan itu, kerajaan sudah lama mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara, lantas baik program pendidikan dan pencegahan mahupun aktiviti penguatkuasaan terus diperkaskan dari semasa ke semasa.

Namun, kegiatan penagihan dan penyeludupan dadah terus meningkat, malah boleh dikatakan sudah memasuki fasa membimbangkan. Justeru, kita perlu bertindak dengan lebih agresif supaya dapat menangani masalah najis dadah ini dalam masyarakat kita.

Bila kita meneliti perkembangan mutakhir berkaitan permasalahan dadah ini, boleh dikatakan jumlah penagih terus meningkat, aktiviti penyeludupan dan pengedaran pelbagai jenis dadah juga semakin rancak. Jadi, timbul persoalan di mana silapnya? Kenapa masalah ini masih tidak dapat ditangani dengan berkesan?

Dalam konteks ini, kita wajar memuji segala langkah dan inisiatif yang telah dilaksanakan pelbagai agensi berkaitan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Mereka berusaha sebaik mungkin untuk mencegah melalui aspek pendidikan dan kesedaran di samping menyekat bekalan melalui operasi penguatkuasaan.

Buktinya, hampir setiap hari kita dapat lihat ada saja operasi dan tangkapan dilakukan pihak berkuasa. Ringkasnya, mereka telah membuat kerja dengan cukup cemerlang. Syabas dan tahniah kita ucapkan atas komitmen semua agensi yang terlibat melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi.

Namun, apa yang dikhuatiri, adakah masyarakat atau komuniti kita telah melaksanakan tanggungjawab mereka? Jujurnya penulis agak musykil dan tertanya-tanya dengan tahap sumbangan komuniti dalam memerangi dadah secara habis-habisan. Sejauh mana komuniti menyumbang dalam aspek ini?

Kita tidak menafikan sumbangan segelintir komuniti melalui pembabitan dalam badan bukan kerajaan (NGO) seperti PEMADAM dan Pengasih di samping guru di sekolah, tetapi jelas itu belum mencukupi. Oleh itu, kita melihat tema sambutan bulan antidadah kebangsaan iaitu 'Komuniti Kita Tanggungjawab Kita' sebagai suatu tema cukup signifikan.

Tema ini sekali gus menterjemahkan keluh kesah kita betapa komuniti perlu meningkatkan lagi rasa kebertanggungjawaban mereka dalam membantu membanteras



najis dadah ini. Ringkasnya, pembabitkan komuniti buat masa sekarang boleh dikatakan masih di bawah paras minimum.

Justeru, kita meminta anggota komuniti bermula daripada individu, ibu bapa, organisasi seperti agensi kerajaan dan swasta semuanya terlibat secara total membantu memerangi dadah. Dalam konteks ini, kita perlu buang jauh mentaliti bahawa memerangi dadah tugas AADK dan polis semata-mata, sebaliknya tanggungjawab ini perlu dipikul secara bersama oleh semua anggota masyarakat.

Ibu bapa misalnya sebagai pen-

jaga perlu memastikan anak tidak terjebak dalam gejala najis dadah. Perkara ini boleh dilakukan melalui didikan dan asuhan sejak kecil berkaitan bahaya dan kesan negatif dadah, biar tersemat dalam jiwa dan sanubari anak sejak kecil mengenai perkara ini supaya mereka beringat sampai bila-bila.

Ashuan dan didikan betul dari kecil boleh menjadi dinding dan benteng mujarab dalam menyelamatkan masa depan anak kita. Ingat, sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Ayuh ibu bapa sekalian, laksanakanlah tanggungjawab anda ini.

Anggota masyarakat juga perlu

memikul tanggungjawab sama atas semangat menjaga komuniti di sekeliling kita. Apa yang dikesali kini ialah kita tidak mahu ambil tahu atau peduli apa yang berlaku di sekeliling kita selagi mana ia tidak kena batang hidung sendiri.

Percayalah dalam konteks ini tidak salah untuk kita amalkan budaya menjaga tepi kain orang asal dengan niat baik dan ikhlas mahu menolong. Satu contoh cukup menyedihkan ialah apabila kita membaca ada yang langsung tidak tahu jirannya seorang penagih atau pengedar dadah dan ini masih berlaku dalam masyarakat kita.

Antara tindakan yang boleh diambil masyarakat ialah jika mendapati ada anak yang dikenali terbabat dengan aktiviti penagihan atau pengedaran dadah, segera laporkan kepada ibu bapa ataupun pihak berkuasa berkaitan. Begitu juga jika kita ada maklumat aktiviti pengedaran dadah, segera laporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

Percayalah jika setiap daripada kita dapat menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa, masalah penagihan dan pengedaran dadah pasti dapat diperangi habis-habisan.

Kita minta setiap organisasi baik kerajaan mahupun swasta melaksanakan program memerangi dadah secara serius, berkala dan konsisten di organisasi masing-masing bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan anggota

organisasi bahaya najis dadah.

Ia sama seperti apa yang biasa dilakukan di sekolah setiap tahun apabila pihak sekolah mengadakan program antidadah secara konsisten bagi menyedarkan anak kita. Melalui cara ini penulis percaya kita dapat mewujudkan tahap kesedaran cukup tinggi dalam kalangan rakyat sejak dibangku sekolah hingga ke alam pekerjaan secara berterusan.

Program pencegahan boleh diadakan dengan kerjasama agensi dan NGO berkaitan seperti AADK dan PEMADAM. Apa yang penting ialah perlu konsisten dan serius dalam memupuk kesedaran kepada semua.

Kita percaya dengan usaha mewujudkan kesedaran di pelbagai peringkat ini akhirnya rakyat akan menjauhi dadah secara total dan seterusnya akan melumpuhkan aktiviti penjualan dan pengedaran di negara kita.

Justeru, kita harap semua pihak memainkan peranan secara aktif di peringkat masing-masing ikut kemampuan sendiri bagi memastikan najis dadah diperangi habis-habisan.

Jangan kita biarkan dadah merosakkan generasi masa hadapan negara ini. Dadah musuh nombor satu negara. Jom perangi dadah habis-habisan. Komuniti kita, tanggungjawab kita.

Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia

## Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

